

**AL-SUNNAH DALAM KURIKULUM SEKOLAH AGAMA PETANG PERLIS
(SAPPs) MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
(MAIPs)**

Hazman Hassan (Corresponding Author)

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.

Tel: +6049285589, E-Mel: hazman@uum.edu.my

Mohammad Isyraf Ishak

Ketua Nazir Sekolah Islam MAIPs, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs)
Kompleks Islam Perlis, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz,

Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti
Malaysia Perlis (UniMAP), Jalan Alor Setar-Kangar, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia

Mohd Nazim Mohd Noor

Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)
A2, Taman Pengkalan Asam, Jalan Tuanku Syed Putra, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia

Nidzamuddin Zakaria

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK

Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs), MAIPs merupakan cetusan buah fikiran DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, bagi memastikan penghayatan Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah terus diwariskan kepada generasi akan datang, sebagaimana hasrat DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah mewujudkan SAPPs MAIPs bermula tahun 2018 untuk mendaulatkan aspirasi Islam Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai agama bagi negeri, seperti yang dikanunkan oleh perlembagaan Perlis iaitu Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Justeru kertas ini berikhtiar untuk memaparkan tinjauan awal terhadap penghayatan al-Sunnah dalam kurikulum SAPPs MAIPs yang merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.

Kata Kunci: Pendidikan Hadith Peringkat Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi, Sunnah, Pendidikan Islam, Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, MAIPs, Sekolah Agama Petang Perlis, SAPPs, Perlis

Pendahuluan

Rasulullah SAW tidak lain dan tidak bukan adalah pengasas atau Bapa Pendidikan Agama Islam peringkat rendah. Baginda memberikan perhatian yang besar kepada pendidikan

khasnya dalam kalangan kanak-kanak meskipun mereka masih mentah dengan penuh kasih sayang. Sebagai contoh ialah nasihat Rasulullah SAW kepada sepupunya Abdullah Ibnu Abbas r.huma di mana beliau menceritakan:

Maksudnya: “Pada suatu hari aku berada di belakang Rasulullah SAW lalu baginda bersabda: “Wahai budak! Sudilah kiranya aku mengajarkan kepadamu beberapa kalimah: ‘Peliharalah Allah, nescaya Dia akan memeliharamu. Peliharalah Allah, kamu akan mendapati-Nya bersamamu. Apabila kami meminta pertolongan maka mintalah pertolongan daripada Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya jika seluruh manusia berhimpun untuk memberi sesuatu manfaat kepadamu, mereka sesekali tidak akan dapat memberi manfaat itu kepadamu kecuali sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah kepadamu. Dan sekiranya mereka berhimpun untuk mendatangkan bencana kepadamu, mereka tidak akan dapat mendatangkannya kecuali sesuatu yang telah ditetapkan Allah ke atasmu. Telah diangkat kalam dan telah keringlah lembaran (al-Tirmidhi, 1996, No: 2516).

Bertitik tolak daripada pendekatan Rasulullah yang memberikan perhatian khusus kepada Pendidikan Agama Islam peringkat rendah, maka lahirlah tradisi *kuttab* di Dunia Islam. *Kuttab* boleh dimaknakan sebagai tempat kanak-kanak mempelajari ilmu-ilmu asas sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat berikutnya di masjid, *suffah* atau madrasah (As-Sirjani, 2011). Di Nusantara, pengaruh tradisi Pendidikan Agama Islam peringkat rendah dari Semenanjung Tanah Arab ini berbaur dengan kearifan tempatan Alam Melayu sehingga wujudlah pondok dan pelbagai institusi formal dan non-formal bagi memenuhi objektif ini.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Pengasasan dan Perkembangannya

Subtopik ini membentangkan permulaan MAIPs sebagai sebuah Majlis Agama Islam, serta pertumbuhannya sehingga ke hari ini. Tidak keterlaluan jika dikatakan dua orang putera terbaik negeri Perlis masa kini iaitu Raja Pemerintah Negeri Perlis sendiri, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dan sedang mengemudi MAIPs sebagai institusi umat Islam terbaik yang pernah wujud dalam sejarah Perlis, tidak lain demi melestarikan manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Pengasasan MAIPs

Menurut Hazman dan Mohd Nazim (2020), permulaan MAIPs berkait rapat dengan *The Muhammadan Marriages (Separation) Amendment Enactment No. 14* berkenaan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk telah diluluskan pada 19 Zulhijjah 1337H bersamaan 12 September 1919. Pada 27 Jamadil Akhir 1340H bersamaan 24 Februari 1922 pula, *Shariah Court Enactment No. 5* telah diwartakan. Kedua-dua enakmen ini telah diluluskan dalam mesyuarat *Perlis State Council* atau Majlis Mesyuarat Negeri Perlis dengan mendapat perkenan daripada Almarhum Raja Syed Alwi Ibni Syed Saffi Jamalullail (1904-1943). Pengubalan kedua-dua enakmen ini dilihat sebagai asas penubuhan MAIPs yang bertanggungjawab kepada pentadbiran hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu seperti pengurusan kutipan zakat, fatwa, pendidikan Islam dan lain-lain.

Berpandukan minit-minit mesyuarat *Perlis State Council* sekitar tahun 1919 hingga 1922, maka berkemungkinan besar cadangan awal ke arah penubuhan MAIPs telah diangkat pada sekitar tahun 1920. Walau bagaimanapun, MAIPs yang belum dinamakan MAIPs pada ketika itu telah berperanan sebagai Dewan Penasihat Raja yang dipengerusikan oleh Raja Syed Alwi

Jamalullail sendiri dan dianggotai oleh semua ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perlis yang lain seperti Haji Mohd Noor Bin Haji Muhammad dan Dato' Wan Teh Bin Dato' Arau, kecuali Penasihat British yang tidak beragama Islam.

Merujuk minit mesyuarat *Perlis State Council* sepanjang tahun 1909 hingga 1920, didapati perkara berkaitan dengan pengurusan “Zakat” hanya mula dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat bertarikh 1 Mac 1920 bersamaan 3 Jamadil Akhir 1338H. Antara lain cabutan minit mesyuarat yang dijalankan pada satu abad yang lalu diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris seperti berikut:

“ 1. Subject. A letter from the Kathi regarding the collection of “Zakat” (tithes) by mosque officials is read.

Decision. It is decided that the Kathi should prepare and distribute notices advising people of their duty in respect of “Zakat”.”

Oleh yang demikian, dalam persidangan pada 1 Mac 1920 yang berkenaan, mesyuarat yang dipengerusikan sendiri oleh Raja Syed Alwi Jamalullail telah membuat keputusan bahawa “Kathi” adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengedarkan maklumat (notis) mengenai kewajiban membayar zakat kepada seluruh rakyat Perlis. Berdasarkan maklumat ini, peranan MAIPs sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan “Zakat” telah bermula secara formal semenjak tahun 1920 lagi.

Asas pengambilan 1920 sebagai tahun permulaan MAIPs juga disandarkan kepada perbandingan dengan beberapa buah negeri Melayu yang menubuhkan Majlis Agama Islam masing-masing juga pada sekitar tahun 1900-an iaitu:

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ditubuhkan pada 17 Safar 1334H bersamaan 24 Disember 1915.

Majlis Agama Islam Negeri Johor ditubuhkan pada tahun 1925.

Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) ditubuhkan pada tahun 1926. Secara tidak langsung, hipotesis penubuhan MAIPs pada tahun 1920 adalah bersesuaian.

Apabila Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948 dikurniakan, nama MAIPs mula disebut dan digunakan secara mantap sehingga berkekalan ke hari ini. Merujuk Perkara 6(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948, Raja Pemerintah Negeri Perlis boleh memerintah supaya ditubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Majlis ini bertanggungjawab sebagai badan penasihat rasmi DYMM Tuanku Raja Perlis dalam urusan hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu.

Susulan daripada itu, pada 26 Safar 1369H bersamaan 18 Disember 1949, undang-undang khas penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis secara rasmi telah diluluskan oleh *Perlis State Council*. Undang-undang ini seterusnya telah mendapat perkenan daripada Almarhum DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 6 Rabiul Awal 1369H bersamaan 27 Disember 1949. Dengan penamaan rasmi ini, peranan dan tanggungjawab MAIPs menjadi semakin kemas, jelas dan mantap.

Perkembangan MAIPs

Hasil pemerkasaan pengurusan zakat di negeri Perlis, MAIPs mula mahsyur dengan nama Pejabat Zakat dan Fitrah Perlis. Sebelum tahun 1949, peranan MAIPs sebagai Pejabat Zakat dan Fitrah dilaksanakan di Pejabat Pemeriksa Kira-kira Kerajaan Perlis. Pada tahun 1951 Pejabat Zakat dan Fitrah Perlis mempunyai bangunan sendiri di Jalan Hospital, Kangar.

Pada tahun 1964, MAIPs telah diperbadankan sebagai sebuah badan berkanun yang telah diperkenankan oleh Pemangku Raja Perlis ketika itu, Almarhum Tengku Suleiman Ibni Almarhum Tengku Bendahara Abu Bakar pada 27 Februari 1964. Pindaan ini mengangkat kedudukan MAIPs untuk bergerak lebih efisyen bagi memikul tanggungjawab besar merealisasikan agenda pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di Perlis.

Selanjutnya pada tahun 1988, Enakmen Baitulmal dan Zakat telah digubal. Sehingga awal tahun 2000, MAIPs telah memantapkan Pengurusan Baitulmal (Wakaf & Sumber Am) dan Zakat. Pelbagai Skim Agihan telah diwujudkan dan Garis Panduan Agihan Zakat telah dimantapkan. Pada era ini, MAIPs telah bergerak kerja berteraskan atas awal pemantapan dalam Pengurusan Zakat dan Wakaf serta Sumber Am di Perlis. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang menjadi Yang DiPertua MAIPs ke-7 bermula pada tahun 1986 telah menjadi kekuatan dasar Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Perlis. Baginda kerap merujuk tokoh-tokoh agama, dan menjadi tonggak ketinggian agama Islam di negeri Perlis (Mohd Nazim & Hazman, 2018).

Di alaf baharu, bertepatan pada 14 April 2006 bersamaan 15 Rabiul Awal 1427H, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 telah diperkenankan oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Pemangku Raja Perlis ketika itu. Baginda yang diperkenankan menjadi Yang DiPertua MAIPs ke-8 telah memulakan langkah asas kepada transformasi pengurusan MAIPs. Pada tahun 2011, MAIPs dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang diketuai oleh Tan Sri Mohamad Zabidi Bin Zainal telah melaksanakan Kajian Transformasi Pengurusan dan Pelan Strategik MAIPs. Bertitik tolak daripada dokumen inilah bermulanya pelbagai inisiatif, perubahan positif dan dimensi baharu MAIPs. Pelbagai Skim Agihan Zakat telah diperkemas, selain pelbagai inisiatif bagi membantu warga asnaf yang memerlukan santunan dan bantuan daripada MAIPs telah diperkenalkan.

Dalam aspek sumbangan kepada asnaf, DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sentiasa menjunjung falsafah untuk memberikan "joran" dan bukan sekadar memberikan "ikan". Justeru baginda telah memperkenankan penubuhan Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (ATAM) untuk memberikan perhatian khusus kepada usaha-usaha mengeluarkan asnaf daripada belenggu kemiskinan.

DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra juga menzahirkan keprihatinan dalam menyantuni warga asnaf. Baginda telah memperkenankan "Program MAIPs Peduli" iaitu aktiviti berbasikal yang diketuai oleh Baginda sendiri untuk singgah di rumah-rumah asnaf di seluruh Negeri Perlis, selain menjadi rutin untuk baginda singgah untuk menunaikan solat berjemaah di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Perlis. Baginda turut memperkenalkan "Program Hijrah Minda" bagi mewujudkan rakyat Perlis bermentaliti kelas pertama yang dilaksanakan di masjid-masjid seluruh negeri Perlis pada setiap hari jumaat di mana baginda turut berkenan berangkat bagi mengurniakan sendiri agihan zakat kepada rakyat.

Menyentuh aspek pengurusan wakaf dan sumber am MAIPs, DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra turut melancarkan pelbagai inisiatif ke arah mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan amalan berwakaf dan bersedekah. Baginda telah melancarkan Skim Wakaf Tunai MAIPs pada November 2012 serta mengasaskan beberapa projek mercu tanda seperti Bangunan Wakaf MAIPs bagi Pusat Perkhidmatan Hemodialisis di Hospital Tuanku Fauziah (HTF). Selain itu, inisiatif wakaf yang lain di bawah naungan baginda adalah Projek

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Pusat Pengurusan Jenazah (PPJ) Wakaf MAIPs, Dewan al-Kuliyyah MAIPs dan Tabung Bara'atuz Zimmah (t-BAZ) bagi pengurusan wang tidak patuh syariah pada Julai 2014.

Raja Muda Perlis ini turut memberikan perhatian dalam bidang pendidikan melalui MAIPs. Baginda telah berkenan untuk menubuhkan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) serta turut memberikan perhatian kepada pendidikan di Sekolah-sekolah Agama dan Maahad-maahad Tahfiz di negeri Perlis. Inisiatif pelaksanaan Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) turut diperkenankan oleh baginda, selain mengurniakan biasiswa-biasiswa MAIPs kepada warga asnaf.

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail amat memberikan perhatian istimewa kepada usaha dakwah dan perkongsian ilmu. Baginda telah merasmikan penubuhan "Centre of Sunnah MAIPs" serta mewujudkan Institut Sunnah dan Irsyad (ISNAD) dan Skim Muballigh MAIPs di Jabatan Mufti Negeri Perlis. Kecintaan Baginda kepada budaya ilmu di Negeri Perlis turut terzahir apabila baginda sering berangkat menghadiri pelbagai program wacana ilmu.

Berpunca daripada minat baginda sendiri, tokoh-tokoh ilmuan tempatan dan antarabangsa turut diundang ke negeri Perlis bagi sama-sama berkongsi maklumat dan pengalaman. Tidak hairanlah apabila tokoh-tokoh dan figura antarabangsa bagi dunia kontemporari Islam seperti Prof. Dr. Taareq Ramadan (Switzerland), Dr. Bilal Phillips (Kanada), Syeikh Dr. Abd Rahman al-Sudais (Masjidil Haram), Syeikh Salah Al-Budair (Masjid Nabawi), Syeikh Abd. Mohsen Al-Qasim (Masjid Nabawi), Syeikh Nouman Ali Khan (Amerika Syarikat), Dr. Zakir Naik (India) dan Syeikh Hussin Yee (Malaysia) telah dan sering menyampaikan pengisian ilmu kepada masyarakat di Negeri Perlis. Program Perkampungan Sunnah yang dilaksanakan secara kerjasama oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis bersama MAIPs turut dilaksanakan.

Menyentuh aspek hal ehwal antarabangsa, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra turut membawa dimensi baru kepada pengantarabangsaan MAIPs. Baginda sentiasa membawa nama MAIPs dalam setiap kesempatan keberangkatan rasmi atau kunjungan peribadi baginda ke luar negara. Baginda tidak lupa untuk meraikan anak-anak warga Perlis yang bermastautin di luar negara dalam "Program Tautan Ukhwwah", serta berkongsi perkembangan terkini tanah air bersama komuniti Malaysia dan penduduk tempatan di luar negara. Saban tahun, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra akan memperkenankan MAIPs untuk mengadakan perkongsian pintar dan pengalaman bersama Majlis-majlis Agama Islam di 6 Wilayah Andaman Thailand yang meliputi Satun, Trang, Phuket, Krabi, Phang Nga dan Ranong. Meniti tempoh satu kurun usianya dalam pelbagai suka dan duka, didoakan MAIPs terus cemerlang dalam mendepani ujian masa akan datang seperti slogannya "Menjunjung Syiar, Memaju Ummah".

Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah di Negeri Perlis

Di Tanah Melayu, selain pendekatan pengajian al-Qur'an secara tidak formal di pelbagai tempat, Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah dirintis menerusi Sekolah Agama Johor atau nama asalnya Sekolah Kitab yang menggunakan pengantar bahasa Melayu. Pada tahun 1918, Sultan Ibrahim (1873-1959) mengiktiraf sistem ini yang dikenali sebagai Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Johor (JAJ) melalui Majlis Agama serta Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pelaksanaan sekolah berteraskan pendidikan agama Islam peringkat rendah di negeri Johor.

Bagi Negeri Selangor, Pendidikan Agama Islam Peringkat Rendah dimulakan sejak wujudnya

kelas-kelas al-Quran menambahkan subjek Ibadah, Tauhid dan Akhlak semasa pemerintahan Sultan Ala'eddin Sulaiman Shah (1898-1938). Pada tahun 1960, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan dua bentuk aliran persekolahan iaitu Sekolah Arab hingga Rabi' Thanawi dengan pengantar Bahasa Arab, serta Sekolah Agama Darjah Khas dengan medium pengajaran dalam Bahasa Melayu dan Arab. Sekolah Agama Selangor mula melaksanakan Sijil Penilaian Rendah Agama (1994) dan kemudiannya digantikan dengan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) pada tahun 2000.

Di Negeri Perlis, pendidikan agama Islam Peringkat Rendah telah dimulakan di masjid, surau, pondok serta di rumah-rumah para asatizah, sebagaimana kelaziman di negeri-negeri lain juga. Walau bagaimanapun, usaha untuk menaiktaraf Pendidikan Awal Islam serta mengintegrasikannya ke dalam sistem pendidikan arus perdana didapati telah bermula selewat-lewatnya pada satu abad lampau iaitu pada zaman pemerintahan Almarhum Raja Syed Alwi (1904-1943). Seawal tahun 1917, sebuah "Sekolah" Pendidikan Awal Islam pertama di Negeri Perlis telah dibuka di Bandar Diraja Arau.

Seorang ulama' reformis Islam iaitu Syeikh Hassan Surabaya telah berkerjasama menubuhkan sekolah ini dengan Haji Pilus, Guru Besar Sekolah Melayu Arau. Sekolah Melayu Arau yang ditubuhkan pada tahun 1888 dan kini dikenali sebagai Sekolah Tengku Budriah, merupakan sekolah aliran melayu pertama di Negeri Perlis. Justeru, sekolah ini tidak ketinggalan daripada menyediakan pendidikan sekolah rendah kepada anak-anak golongan elit melayu khasnya kerabat Diraja Wangsa Jamalullail dan para pembesar negeri.

Sekolah Pendidikan awal Islam ini dilaksanakan dengan pendekatan subjek-subjek arus perdana diajar Sekolah Melayu Arau, manakala subjek-subjek Dini iaitu Pendidikan Islam dilaksanakan di "Sekolah" Syeikh Hassan. Dalam kaitan ini Shukor Mat (2001) mencatatkan: "Menurut cerita Haji Abdullah Hussin, bentuk rumah Syeikh Hassan ialah rumah bumbung lima dengan beratap rumbia dan berdinding papan. Apa yang menyebabkan Haji Abdullah dan Tengku Adnan ke rumah Syeikh Hassan ialah kerana pada masa itu di Sekolah Melayu Arau tidak diajar pelajaran agama. Oleh itu Guru Besarnya pada masa tersebut yang dipanggil Pak Pilus menyuruh murid-muridnya ke rumah Syeikh Hassan pada setiap hari persekolahan untuk belajar agama dari jam 11.00 sehingga jam 12.00 tengah hari."

Oleh itu, pendekatan yang mirip SAPPs MAIPs pada hari ini telah pun bertapak lebih awal di Negeri Perlis.

Selaras dengan peredaran masa, pendidikan Agama Islam peringkat rendah turut dilaksanakan di Negeri Perlis menerusi kelas-kelas al-Qur'an MAIPs. Sebelum dipanggil sebagai Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA) secara rasmi, kelas-kelas fardhu ain dan al-Quran untuk kanak-kanak dikendalikan MAIPs sejak sebelum merdeka. Kelas-kelas tersebut berlangsung selama lima hari seminggu dan hanya tertumpu kepada pengajian al-Quran tanpa melibatkan pengajian fardhu ain. Elaun yang diberikan untuk guru-guru yang mengajar di kelas-kelas tersebut adalah sebanyak RM120.00 sebulan.

Pada awal Jun 1990, Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri, telah melancarkan rancangan KAFA di seluruh negara dengan hasrat mewujudkan satu sistem kelas pengajian al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang kemas dan seragam. Menurut Nidzamuddin (2006), rentetan daripada pelancaran KAFA ini, guru-guru al-Quran MAIPs mula diserapkan secara sedikit demi sedikit ke dalam program KAFA Negeri Perlis, bergantung kepada kemahiran mereka dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) KAFA. Oleh itu guru-guru terlatih yang merupakan lepasan Maktab Perguruan, diberikan keutaman. Pada masa itu

perjalanan KAFA hanya beroperasi di sekolah-sekolah terpilih yang dinamakan “Sekolah Contoh KAFA” dengan jumlah kelas yang terhad.

Pada tahun 1991, KAFA mula beroperasi di masjid-masjid, surau-surau dan dewan orang ramai seluruh Negeri Perlis. Oleh itu, seluruh guru al-Quran MAIPs telah diserapkan sepenuhnya ke dalam program ini. Pada peringkat awal penubuhan KAFA juga, pengurusannya diletakkan di bawah Unit Ukhwwah, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). Apabila Unit Ukhwwah menguruskan kelas-kelas al-Quran untuk muallaf yakni saudara-saudara baru di Perlis, KAFA diletakkan di bawah unit tersebut oleh perkaitannya dengan kelas al-Quran. *Selepas lapan tahun ditempatkan di Bahagian Dakwah JAIPs, pengurusan KAFA akhirnya telah dilelakkan di Bahagian Pendidikan, JAIPs.*

Sebelum penubuhan SAPPs di Perlis, KAFA telah pun beroperasi di bawah kelolaan dan pembiayaan JAKIM. Kelas KAFA berlangsung selama tiga hari seminggu yang melibatkan pengajian al-Quran dan fardu ain. Elaun yang diberikan kepada Guru KAFA adalah sebanyak RM 900.00. Oleh yang demikian, KAFA di Negeri Perlis adalah usaha sama MAIPs dengan Kerajaan Persekutuan yang meneruskan kesinambungan kelas-kelas al-Qur'an kelolaan MAIPs yang sedia ada.

Di samping itu, demi memastikan kejayaan Pendidikan Agama Islam peringkat rendah di Negeri Perlis, MAIPs turut berkerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis, yang mengendalikan pelaksanaan subjek-subjek Pendidikan Islam di sekolah-sekolah KPM seluruh Perlis.

Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs dan Penubuhannya

Projek Rintis SAPPs dilaksanakan oleh MAIPs dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNP) bagi menjunjung titah DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang dizahirkan dalam tujuh (7) amanat Baginda pada 20 April 2017, di mana amanat yang ketiga (3) berbunyi seperti berikut:

“Anak-anak di Negeri Perlis hendaklah mewarisi kefahaman yang jelas tentang Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang dipegang dan diamalkan di dalam negeri ini. Mereka merupakan pewaris kita. Usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan hal ini hendaklah dipertingkatkan. Maka, sukanan pengajian agama di peringkat awal (sekolah) hendaklah selaras dengan pegangan Perlis ini”

Berikutan dengan itu, Kertas Cadangan Pelaksanaan SAPPs telah disediakan oleh Bahagian Pendidikan, JAIPs dan dibentangkan dalam mesyuarat bersama MAIPs yang dipengerusikan oleh DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Tuanku Yang DiPertua MAIPs. Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh ahli mesyuarat. Selain itu, JAIPs juga telah mendapatkan kebenaran melalui mesyuarat bersama Jawatankuasa KAFA Perlis berkenaan pelantikan Guru KAFA sebagai Guru SAPPs dan penambahan pada kurikulum KAFA.

Dengan inayah Allah, Projek Rintis SAPPs mula dijalankan secara berperingkat. Sebanyak 15 buah sekolah rendah yang dipilih bagi mewakili setiap 15 Dewan Undangan Negeri di seluruh Negeri Perlis pada peringkat pertama (tahun 2018). Projek ini bermula dengan kelas tahun satu. SAPPs dilaksanakan pada setiap petang hari Jumaat selama tiga jam selepas sesi persekolahan perdana. SAPPs telah dilaksanakan sepenuhnya mulai bulan Januari 2019 pada setiap petang hari Rabu selama tiga jam. Murid tahun satu, sesi 2019 telah dipilih sebagai pelajar SAPPs di

70 buah sekolah rendah yang dipilih bagi setiap 15 Dewan Undangan Negeri.

Pada tahun 2020, SAPPs diteruskan pelaksanaannya pada setiap petang hari Jumaat di 80 buah sekolah rendah yang dipilih di seluruh Negeri Perlis. Murid tahun satu, sesi 2020 akan meneruskan pelaksanaan SAPPs ini. Dua orang Guru SAPPs diperuntukkan bagi setiap dua kelas, menjadikan bilangan guru yang disediakan adalah sebanyak 320 orang di seluruh sekolah rendah Negeri Perlis pada tahun 2020. Pada tahun 2021, SAPPs adalah terdiri daripada lima orang Guru KAFA bagi setiap 86 sekolah menjadikan bilangan mereka sebanyak 430 orang Guru SAPPs / KAFA. Guru SAPPs juga merupakan Guru KAFA lantikan JAKIM yang memenuhi syarat kelayakan minimum. Selain itu, peruntukan bagi eluan bulanan Guru SAPPs adalah daripada MAIPs sendiri.

Kurikulum SAPPs diinspirasikan daripada wawasan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Tuanku Yang Dipertua MAIPs bagi menyambut tith DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dalam amanat baginda yang ketiga. Ia juga merupakan kurikulum perintis di Malaysia kerana keunikannya yang berdasarkan kepada dalil yang sahih, tanpa terikat dengan mazhab fiqh tertentu dengan berpandukan semangat perlembagaan Negeri Perlis iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Oleh itu kurikulum yang diajar dalam SAPPs disaring dan dinilai berdasarkan pandangan fiqh yang terbaik berdasarkan kekuatan dalil yang kukuh. Ia juga merupakan salah satu daripada usaha berterusan MAIPs bagi mendidik dan membentuk masyarakat Islam ke arah perkembangan fitrah insan selaras dan bertepatan dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah.

Kelas-kelas SAPPs diwajibkan untuk menggunakan kurikulum atau sukatan mata pelajaran SAPPs yang telah disediakan oleh JAIPs. Kurikulum SAPPs dirancang bagi memenuhi tujuan untuk memantap dan memperkuatkan fardu ain dalam kalangan anak-anak Islam yang berumur 7 tahun di samping untuk memahami dengan jelas tentang Ahli Sunnah Wal Jamaah. Asas pendidikan dan kemahiran dalam kurikulum SAPPs ditumpukan kepada pengamalan dan penghayatan perkara-perkara fardu ain dalam Islam merangkumi perkara-perkara akidah, ibadah dan akhlak.

Kurikulum SAPPs yang telah digubal oleh panel pakar yang berpengalaman dan menjadi hakcipta MAIPs digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran SAPPs di seluruh Negeri Perlis. Beberapa siri bengkel semakan draf buku teks dan buku latihan SAPPs dilaksanakan secara berkala. Aktiviti semakan dan penilaian draf buku teks dan buku latihan SAPPs ini disertai oleh panel penilai daripada JAIPs, Jabatan Mufti Negeri Perlis dan Guru KAFA.

Aktiviti semakan ini dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan isi kandungan dan gaya persembahan yang akan disampaikan bersesuaian untuk kegunaan pelajar sekolah rendah di seluruh Negeri Perlis. Buku teks dan buku latihan SAPPs dibekalkan secara percuma kepada pelajar bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Keperluan Bahan Bantu Mengajar (BBM) juga disediakan kepada Guru SAPPs bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan.

Pengaruh Al-Sunnah Dalam Kurikulum SAPPs MAIPs

Al-Sunnah adalah salah satu dari wahyu Allah, di mana maksud dan isi kandungannya dilafazkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Ini bererti al-Sunnah mempunyai autoriti yang sama pentingnya dengan al-Quran selaku sumber yang memberi penjelasan tentang isi kandungan

ajaran Islam. Justeru kefahaman terhadap konsep al-Sunnah dan peranannya, perlu difahami dengan tepat dan betul. Oleh yang demikian, maka kurikulum fardhu ain yang berteraskan al-Sunnah mestilah diperkenalkan kepada murid-murid sejak di peringkat sekolah rendah lagi.

Dari sudut Bahasa, al-Sunnah bermaksud jalan, kelakuan, tabiat, keadaan masa hidup, rupa, ketetapan dan kebiasaan (Ibn al-Manzur, 1964). Dalam pengertian ini al-Sunnah dari sudut bahasa juga disandarkan kepada sesuatu yang baik dan yang buruk. Dari *sudut istilah pula, al-Sunnah merupakan segala perkara yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan, persetujuan, sifat kejadian baginda atau akhlak baginda ataupun yang berkaitan sejarah baginda, sama ada sebelum baginda dibangkitkan sebagai Rasul mahupun selepas baginda diutuskan (al-Qasimi, 1979)*.

Daripada perbincangan di atas membuktikan bahawa al-Sunnah mempunyai pengertian yang sangat luas. Ia bukan sekadar bermaksud perkara-perkara sunat semata-mata, bahkan lebih luas daripada itu. Pengertian al-Sunnah yang luas ini diperolehi dari penjelasan para ulama' ahli hadith khususnya yang berkecimpung dalam bidang tersebut. Dalam lain perkataan, al-Sunnah itu adalah satu nama yang menyeluruh dan padu serta mempunyai pelbagai pengertian meliputi perkara-perkara akidah dan juga syariah, secara menyeluruh dan sempurna. Bahkan dapat dikatakan bahawa al-Sunnah itu adalah agama Islam itu sendiri (Aminuddin, 2006).

Subtopik ini akan menggalurkan pengaruh al-Sunnah dalam kurikulum SAPPs, MAIPs. Oleh yang demikian, perbincangan akan distrukturkan seperti skema berikut iaitu dimulai dengan akidah, diikuti dengan fiqh dan ditutup dengan akhlak. Walau bagaimanapun, contoh-contoh yang diutarakan tidaklah bermaksud penghayatan al-Sunnah dalam kurikulum SAPPs MAIPs hanya terhad kepada contoh tersebut sahaja:

Komponen Akidah Dalam Kurikulum SAPPs MAIPs

Akidah Islam adalah keimanan yang teguh dan bersifat pasti kepada Allah SWT dengan segala pelaksanaan kewajipan, bertauhid dan taat kepada-Nya, serta beriman kepada malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, Hari Akhirat serta, qada' dan qadar (Dumayriyyat, 1996). Dalam komponen akidah SAPPs MAIPs, pengaruh al-Sunnah dimanifestasikan melalui pengagungan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber akidah, al-Sunnah meneguhkan penghayatan Rukun Iman, serta iman kepada rasul mengunggulkan Rasulullah SAW sebagai teladan terbaik.

Al-Qur'an dan Al-Sunnah Sumber Akidah

Al-Sunnah serta al-Qur'an menjadi sumber penetapan akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs tanpa perlu menjalani pendekatan falsafah. Dalam erti kata lain sumber akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs adalah persis serupa dengan akidah para sahabat Rasulullah dan generasi al-Salaf al-Soleh. Sebagai contoh, di dalam Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 1, halaman 2, pelajar didedahkan dengan elemen akidah yang wajib diketahui oleh seseorang Muslim dengan pengaplikasian metod soal-jawab. Justeru, persoalan seperti "Siapa Tuhanmu?", "Apakah Agamamu?" dan "Siapakah Nabimu?" yang ditanya kepada murid SAPPs MAIPs tidak lain berasal daripada hadith sahih seperti berikut:

...مَنْ زَلَّكَ؟ وَمَا دِينُكَ؟ وَمَنْ نَبِيُّكَ؟ فَيَقُولُ: رَبِّيَ اللَّهُ، وَدِينِيُّ الْإِسْلَامُ، وَنَبِيُّيُّ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ...

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

Maksudnya: “Siapakah Tuhan kamu? Apa agama kamu dan siapa Nabi kamu? (al-Bukhari, 2002, No: 1369. Muslim, 2006, No: 2871).

Maka al-Sunnah menjadi sumber utama penetapan akidah dalam komponen akidah kurikulum SAPPs MAIPs

Al-Sunnah Meneguhkan Penghayatan Rukun Iman

Rukun Iman terdiri daripada enam (6) tonggak primer kepada akidah Islam berteraskan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah. Sekiranya secara konvensional, perbahasan Rukun Iman banyak difokuskan kepada sifat-sifat Allah sebagai komponen beriman kepada Allah, kurikulum SAPPs MAIPs mengambil inisiatif memperluaskannya. Hal ini dilaksanakan dengan memberikan penumpuan yang lebih berimbang kepada aspek-aspek lain selain sifat-sifat Allah ketika menghuraikan iman kepada Allah. Di samping itu, penekanan turut diperuntukkan kepada merincikan lagi penghayatan kepada baki Rukun Iman iaitu beriman kepada malaikat, kitab, Rasul, Hari Akhirat serta Qada' dan qadar.

Sebagai permisalan, Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 2, halaman 3 mengutarakan hadis Nabi SAW sebagai dalil hukum beriman. Hadith tersebut adalah seperti berikut:

...الإِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَا لَمْ يَكُنْ وَكِتَابُهُ وَرَسُولُهُ وَالْيَوْمُ الْآخِرُ وَالْقَدْرُ كُلُّهُ خَيْرٌ...

Maksudnya: “...Iman itu adalah beriman kepada Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasul, hari akhirat dan taqdir yang baik serta buruk... (Muslim, 2006 no.4777)

Rasulullah Sebagai Teladan Terbaik

Bertitik tolak daripada keimanan kepada rasul-rasul umumnya dan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir, Ahli Sunnah wal Jamaah mempercayai bahawa baginda merupakan suri teladan terbaik dalam semua aspek. Oleh itu, akidah Rasulullah yang sahih lagi tulen seperti yang dipusakai oleh baginda dan tanpa dipengaruhi oleh pelbagai ajaran di luar Islam, adalah juga merupakan akidah terbaik untuk menjadi pegangan setiap muslim.

Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 3, halaman 12 telah memperincikan kesan perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir telah memansuhkan kitab-kitab dan syariat nabi-nabi yang terdahulu, iaitu seperti surah al-Ma'idah, ayat 48:

Maksudnya: “Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya”.

Komponen Ibadah Dalam Kurikulum SAPPs MAIPs

Ibadah ialah tunduk merendahkan diri kepada Allah kerana cinta dan mengagungkan-Nya menerusi pelaksanaan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, seperti yang disyariatkan (al-Qaradhawi, 1991). Seterusnya komponen ibadah dalam kurikulum SAPPs MAIPs menjunjung tinggi al-Sunnah melalui pelestarian Ibadah yang sahih berpandukan al-Sunnah, serta al-Sunnah dijadikan penentu antara yang rajih dengan marjuh.

Ibadah Yang Sahih Berpandukan Al-Sunnah

Selain daripada ikhlas kerana Allah semata-mata, satu lagi syarat penerimaan ibadat yang sahih

ialah ibadat tersebut mestilah dilaksanakan menurut petunjuk sunnah Rasulullah SAW. Hakikat ini terpateri dalam sabda baginda yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Aisyah r.ha:

عَنْ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ .

Daripada Ummul Mu'minin; Ummu Abdillah; Aisyah Radhiyallahu 'Anha, beliau berkata : Rasulullah SAW bersabda: "Siapa yang mengada-adakan (perkara baharu) dalam urusan (agama) kami ini, yang bukan (bersumber) daripadanya, maka dia tertolak. (Riwayat al-Bukhari, 2002, No: 2967 dan Muslim, 2006, No: 1718).

Dalam komponen ibadat bagi kurikulum SAPPs MAIPs, pengaruh al-Sunnah seperti yang ditegaskan dalam hadis Aisyah di atas terus dijulang. Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 1, halaman 26 telah memasukkan Unit 1 di bawah tajuk “ Syarat melakukan ibadat”. Unit ini menyenaraikan syarat ibadat kepada dua iaitu:

“Ibadat mestilah mengikut apa-apa yang ada di dalam al-Quran dan Sunnah Nabi SAW”
“Ikhlas dalam melakukan ibadat kerana Allah semata-mata”

Al-Sunnah Penentu Antara Yang Rajih dan Marjuh

Dalam khazanah fiqh Islam, wujud pelbagai pendapat. Walau bagaimanapun yang membezakan antara ribuan pendapat-pendapat tersebut adalah statusnya sama ada rajih iaitu kuat, atau marjuh iaitu tidak kuat. Ketika inilah al-Sunnah akan berperanan untuk menjadi penentu sesuatu pendapat fiqh itu rajih atau marjuh berpandukan kekuatan dan kesahihan hadith yang dijadikan sandaran kepada pendapat tersebut.

Komponen ibadah bagi kurikulum SAPPs MAIPs telah mengistimewakan al-Sunnah sebagai penentu antara sesuatu pendapat yang *rajih* dengan yang *marjuh*. Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 2, halaman 102 menjadi contoh kriteria ini apabila membawakan hadith saih yang menjelaskan sifat wudhu' Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Humran Bin Aban r.a (hamba ‘Uthman Bin Affan r.a) berkata: “Bahawasanya dia telah melihat ‘Uthman Bin Affan meminta sebekas air, lalu beliau membasuh mukanya sebanyak tiga kali, dan kedua-dua tangannya hingga ke siku sebanyak tiga kali, kemudian mengusap kepalanya dan kemudian membasuh kedua-dua kakinya sebanyak tiga kali hingga ke buku lali” (al-Bukhari, 2002, No: 164).

Meskipun tidak dinafikan bahawa menjadi kelaziman masyarakat Islam di Malaysia untuk tidak mempraktikkan amalan membasuh kepala sebanyak sekali sahaja ketika berwudhu' seperti hadith saih di atas, kurikulum SAPPs MAIPs merajihkan perspektif al-Sunnah berbanding dengan pandangan-pandangan lain. Tindakan ini juga selaras dengan pendirian MAIPs yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab fiqh melainkan mazhab tersebut memiliki hujah yang kuat berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Seawal tahun 1988, Jawatankuasa Syariah MAIPs atau kini disebut sebagai Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, telah mengeluarkan fatwa yang mengisyiharkan:

“Majlis (MAIPs) tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam Mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari Kitab Allah atau Sunnah Rasul-Nya atau Jemaah Sahabat Rasulullah s.a.w. maka Majlis sedia menerima dan beramal dengannya. Adapun Mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi

Majlis adalah terhitung di dalam Mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Wal Jemaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada Mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan daripada Al-Quran, As-Sunnah dan Jemaah Sahabat Rasulullah SAW.”

Di samping itu, fatwa ini juga menegaskan pendirian MAIPs dan Kerajaan Perlis yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab fiqh yang tertentu. Sebaliknya pandangan sebarang mazhab fiqh akan diterima berpandukan kesahihan dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang dibawakan sebagai hujah oleh mazhab fiqh tersebut. Oleh yang demikian, MAIPs dan Negeri Perlis berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan paling tinggi dan utama, mengalakkan ijihad dalam isu-isu kontemporari serta menolak taqlid (Hazman & Mohd Nazim, 2020).

Komponen Akhlak Dalam Kurikulum SAPPs MAIPs

Akhlik ialah sifat yang tertanam di dalam diri, yang mampu mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan (al-Asyqar, 1988). Dalam kurikulum SAPPs MAIPs, komponen akhlak mengintegrasikan pengaruh al-Sunnah melalui penetapan al-Sunnah sebagai landasan akhlak terpuji, serta pembudayaan adab menurut al-Sunnah.

Al-Sunnah Sebagai Landasan Akhlak Terpuji

Sekiranya al-Sunnah menjadi sumber akidah dan ibadah, maka kurikulum SAPPs MAIPs berpandangan sudah sewajarnya al-Sunnah dimuktamadkan sebagai landasan akhlak terpuji. Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 1, halaman 38 telah memasukkan sepotong hadith dalam Pelajaran 1 di bawah tajuk “Pengertian Akhlak”. Hadith sahih riwayat al-Albaniy ini berbunyi:

إِنَّمَا بُعْثِثُ لِأَنَّمِّ مَكَارَمَ الْأَخْلَاقِ

Bermaksud:

“Sesungguhnya aku (Rasulullah) diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak”. (Al-Baniy, 1995, No: 45).

Pembudayaan Adab Menurut Al-Sunnah

Membentuk *Khayra Ummah* yakni sebaik-baik umat tidak dapat dipisahkan daripada pembudayaan adab-adab yang luhur kepada generasi muda. Sehubungan dengan itu, kurikulum SAPPs MAIPs seperti yang digagaskan di dalam Buku Teks SAPPs MAIPs - Tahun 3, halaman 106 sehingga 104 telah memasukkan enam adab di bawah tajuk “Cara Berakhlik Terhadap Rasulullah”.

Enam adab yang disenaraikan adalah mentaati Rasulullah SAW, mencintai Rasulullah, mengucapkan salam dan berselawat kepada Rasulullah, mencontohi akhlak Rasulullah, meneruskan dakwah Rasulullah dan menghidupkan Sunnah Rasulullah. Dalam memerincikan adab kedua iaitu mencintai Rasulullah, kurikulum SAPPs MAIPs membawakan hadith sahih sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

“Tidak beriman (sempurna iman) salah seorang di antara kamu, sehingga aku lebih dicintai daripada dirinya sendiri, orang tuanya, anaknya dan manusia semuanya” (al-Bukhari, 2002, No: 15, Muslim, 2006, No: 44).

Penutup

Rasulullah SAW adalah Bapa Pendidikan Agama Islam peringkat rendah, yang gigih mendidik umatnya dalam kalangan kanak-kanak, meskipun mereka masih mentah dengan penuh kasih sayang. MAIPs mengorak langkah mewujudkan sistem Pendidikan Agama Islam peringkat rendah yang khusus bagi negeri Perlis bermula tahun 2017 dengan mengasaskan Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs. Tinjauan awal yang dilakukan terhadap kurikulum SAPPs MAIPs baik dalam akidah, ibadah mahupun akhlak mendapati bahawa al-Sunnah memiliki pengaruh yang istimewa di dalamnya. *Sebagai sebuah institusi Pendidikan Agama Islam peringkat rendah bagi Negeri Perlis, SAPPs MAIPs berikhtiar untuk mengangkat martabat penghayatan al-Sunnah dalam pemikiran dan amalan murid-muridnya.*

Rujukan

- Aminuddin Basir @ Ahmad *et. al.* (2006), Konsep Al-Sunnah Menurut Ahli Hadith. *Jurnal Pengajian Umum Bilangan 8.* 1 – 22.
- Al-Albaniy, Muhammad Nasiruddin al-Albaniy (1995), Silsilah al-Ahadith as-Sahihah. Riyadh: Maktabah al-Ma’arif.
- al-Asyqar, Muhammad Sulaiman (1988), Af’al al-Rasul wa Dilalatuha al-Ahkam al-Shar’iyah. Beirut: Muassassah al-Risalah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (2002), *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Dumayriyyat, ‘Uthman Jum’ah (1996), al-Madkhal li al-Dirasah al-‘Aqidah al-Islamiyyah. Jeddah: Maktabah al-Sawadi.
- Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor (2020), Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah Dalam Perlembagaan Negeri Perlis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ibn al-Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (1964), Lisan al-Arab. Mesir: al-Dar al-Misriyyah li al-Ta’lif wa al-Tarjumah.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2018), Buku Teks Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) – Tahun 1. Kangar
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2019), Buku Teks Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) – Tahun 2. Kangar
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2021), Buku Teks Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) – Tahun 3. Kangar
- Mohd Nazim Mohd Noor & Hazman Hassan (2018), Sirajul Muluk: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) Di Bawah Naungan Tiga Putera Jamalullail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Muslim, Muslim bin Hajjaj (2006), *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Taibah.
- Nidzamuddin Zakaria (2006), Pelaksanaan Mata Pelajaran Al-Qur'an Dalam Program Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA): Tinjauan Keberkesanannya Di Sekolah-sekolah Rendah Kangar Perlis. *Jurnal Ma’alim al-Qur'an wa al-Sunnah Bilangan 2.* 133 – 164.
- Shukor Mat (2001), As-Sunnah di Perlis. Kangar: MediaONE Publications.
- as-Sirjani, Raghib (2011), Sumbangan Peradaban Islam Pada Dunia. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.

THE 8th INTERNATIONAL PROPHETIC CONFERENCE (SWAN 2022)

al-Qaradhawi, Yusuf bin Abdullah (1991), *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah*. Riyadh: Maktabah al-Muayyad.

al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin (1979), *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

at-Tarmizi, Muhammad bin Isa (1996). *Sunan al-Tarmizi al-Jami' al-Kabir*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.